



LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 20, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

IKLAN PENYEWAAN UNIT KEDAI


Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang mempelawa mana-mana peniaga yang berkeelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah untuk mengemukakan permohonan bagi menyewa premis kedai di:

NO. IKLAN	NO./ALAMAT PREMIS	KADAR SEWAAN	TEMPOH SEWAAN	TEMPOH IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN
LPNPP/ KEDAI/107/2025	No.Premis: KD0-2 Rancangan Perumahan Taman Free School, Jalan Terengganu, 10460 Pulau Pinang	RM264.00 (49.05mp)	2 Tahun	15 Disember 2025 Hingga 29 Disember 2025	29 Disember 2025 4.00 petang
LPNPP/ KEDAI/108/2025	No.Premis: 5694 B Rumah Pangsa Mak Mandin, Mak Mandin 1, 13400 Butterworth Pulau Pinang	RM147.00 (35.31mp)	2 Tahun	15 Disember 2025 Hingga 29 Disember 2025	29 Disember 2025 4.00 petang
LPNPP/ KEDAI/109/2025	No.Premis: 5694 D Rumah Pangsa Mak Mandin, Mak Mandin 1, 13400 Butterworth Pulau Pinang	RM126.00 (35.31mp)	2 Tahun	15 Disember 2025 Hingga 29 Disember 2025	29 Disember 2025 4.00 petang
LPNPP/ KEDAI/110/2025	No.Premis: 5694 F Rumah Pangsa Mak Mandin, Mak Mandin 1, 13400 Butterworth Pulau Pinang	RM126.00 (35.31mp)	2 Tahun	15 Disember 2025 Hingga 29 Disember 2025	29 Disember 2025 4.00 petang

2. SYARAT - SYARAT KELAYAKAN

- i) Pemohon [dan pasangan (sekiranya berkahwin) / Pemilik Bersama perniagaan (sekiranya perkongsian)] mestilah WARGANEGARA MALAYSIA;
- ii) Pemohon [dan pasangan (sekiranya berkahwin) / Pemilik Bersama perniagaan (sekiranya perkongsian)] mestilah bermastautin di Pulau Pinang;
- iii) Pemohon dan/atau Pemilik Bersama perniagaan mestilah pengundi Pulau Pinang;
- iv) Pemohon dan/atau Pemilik Bersama perniagaan mestilah berumur 21 tahun ke atas dan tidak melebihi 60 tahun;
- v) Pemohon dan/atau Pemilik Bersama perniagaan mestilah tidak bankrap, muflis dan/atau tidak mempunyai rekod jenayah;
- vi) Keupayaan kewangan syarikat minimum RM1,000.00 dan tidak melebihi RM100,000.00
- vii) Pemohon [dan pasangan (sekiranya berkahwin) / Pemilik Bersama perniagaan (sekiranya perkongsian)] mestilah tidak memiliki dan/atau menyewa mana-mana unit kedai yang lain termasuk di bawah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan/atau lain-lain agensi;
- viii) Keutamaan diberi kepada penghuni yang menetap di kawasan PAKR (Perumahan Awam Kos Rendah Kerajaan) yang berdekatan;
- ix) Tidak mempunyai tunggakan sewa bagi unit rumah PAKR (Perumahan Awam Kos Rendah Kerajaan);
- x) Keutamaan diberi kepada pemohon yang menyertai program e-kasih/Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- xi) Memiliki Perakuan Pendaftaran, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang sah dan aktif daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- xii) Mempunyai lesen perniagaan berdaftar yang berkaitan dengan PBT (sekiranya berkaitan);
- xiii) Jenis perniagaan yang berdaftar dengan SSM mestilah berkaitan dengan jenis perniagaan yang akan dijalankan;
- xiv) Pemohon mestilah peniaga sepenuh masa dan berniaga sendiri
- xv) Hanya satu permohonan dibenarkan untuk satu keluarga;

3. Sila lengkapkan permohonan secara dalam talian serta muat naik dokumen-dokumen yang telah disahkan (**permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses**) melalui pautan di portal rasmi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang iaitu www.lpnpp.gov.my atau *facebook* rasmi **Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang-LPNPP** sebelum jam 4.00 petang pada 29 Disember 2025 (Isnin) iaitu:-
 - a) Salinan kad pengenalan pemohon dan pasangan dan pemilik bersama perniagaan (sekiranya perniagaan adalah perkongsian);
 - b) Salinan sijil kahwin/sijil cerai/sijil kematian/surat pengesahan bujang (*yang mana berkaitan*);
 - c) Slip terkini SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia);
 - d) Salinan penyata bank syarikat 3 bulan terkini simpanan/semasa yang aktif;
 - e) Salinan Lesen Perniagaan (aktif) yang dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) / Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP);
 - f) Salinan lengkap Perakuan Pendaftaran, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang sah dan aktif daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (*sila pastikan jenis perniagaan berkaitan dengan perniagaan yang akan dijalankan*);
 - g) Salinan Borang B Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Borang Nyata Individu (pemastautin yang menjalankan perniagaan) di bawah Seksyen 77 Akta Cukai Pendapatan 1967;
 - h) Salinan penyata KWSP tahun semasa atau Surat Pengesahan dari Pejabat KWSP sekiranya tidak mencarum;
 - i) Penyata CTOS terkini dan lengkap pemohon dan/atau pemilik bersama perniagaan (sekiranya perniagaan secara perkongsian);
 - j) Salinan sijil-sijil sokongan pengalaman perniagaan/kemahiran;
 - k) 2 keping gambar bersaiz kad pengenalan (**PERLU DISERTAKAN SEMASA SESI TEMUDUGA**);
 - l) Penyediaan Profil Syarikat yang terkini adalah diwajibkan.
4. Hanya pemohon yang layak dan memenuhi syarat dikehendaki untuk hadir ke satu sesi temuduga yang akan ditentukan tarikhnya kemudian. Individu yang memohon/pemilik perniagaan yang layak akan dimaklumkan untuk menghadiri temuduga dan mematuhi penetapan masa dan tarikh yang diberi. Keputusan temuduga adalah muktamad dan pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui surat rasmi pentadbiran ini.
5. Sebarang pertanyaan sila hubungi **Urus Setia Unit Kedai** di talian **04-2290014**.



(MUHAMAD AIZUDDIN BIN AHMAD)
 Ketua Bahagian Rumah Mampu Milik
 b.p. Pengurus Besar
 Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang